

SEMANTIK, PRAGMATIK DAN LEKSIKOGRAFI¹

Nor Hashimah Jalaluddin

Abstrak

Leksikografi, iaitu ilmu yang berkaitan dengan penyusunan kamus merupakan salah satu bidang yang memerlukan penerapan ilmu linguistik. Makna menjadi nadi kamus. Jika berbicara mengenai makna, kita tidak boleh lari daripada membincangkan ilmu semantik dan pragmatik. Penerapan kedua-dua ilmu ini akan banyak membantu menyelesaikan masalah definisi makna secara amnya dan kelingkaran makna khususnya dalam kamus. Kelingkaran makna bukan sahaja gagal memberikan makna yang diperlukan, malah membosankan pengguna kamus. Makna yang diberikan saling merujuk makna yang satu. Contohnya, jika genus paras rupa yang berperanggukan cantik, lawa, jelita, manis, anggun, tampan, segak mempunyai makna yang berlingkar – cantik makna lawa, dan lawa makna cantik, dan seterusnya, maka pengguna akan gagal menikmati keperincian kosa kata Melayu. Pengguna bahasa juga tidak dapat membezakan darjah kecantikan antara kosa kata tersebut. Makalah ini memperlihatkan kelingkaran makna dengan terperinci serta cara-cara masalah ini dapat diatasi dengan pendekatan ilmu semantik dan pragmatik.

Abstract

Lexicography is a knowledge related to the dictionary, which is one of the fields that need an application of linguistic theory. Meaning is the heart of a dictionary. When we speak about meaning, we are confined to the semantic and pragmatic discussions. The application of both disciplines offer a great help in solving the definition problems in general and the circularity of meaning in particular. The problems of circularity not only fail to provide the expected meaning but also cause tiresome to

the dictionary users. The meaning given in the dictionary will always refer back to the same meaning given earlier. For instance, if a genus on beauty comprises a list of words- cantik, lawa, jelita, manis, anggun, tampan, segak has the feature of circularity- cantik means lawa, lawa means cantik, and so on, hence the users are not able to differentiate the degree of beauty in that domain. This article will show what is meant by circularity of meaning in detail, and attempts to posit how these problems can be solved with the semantic and pragmatic approach.

PENDAHULUAN

Leksikografi seni merakam hasil penemuan leksikologi dalam bentuk kamus. Leksikografi melibatkan penyenaian bentuk leksikal secara alfabetis daripada unit leksikal sesuatu bahasa berdasarkan susunan abjad. Bagi tiap-tiap unit semantik yang berkait dengan bentuk leksikal, akan ada definisi atau penerangan tentang maknanya atau glosari bagi bahasa kedua, kolokasi dengan unit makna lain, beberapa maklumat mengenai variasi makna dalam konteks semantik dan pragmatik, serta identifikasi kategori tatabahasanya (Newell: 1995).

Seorang ahli leksikografi sewajarnya melibatkan dirinya dalam dunia sosiobudaya sesuatu bahasa agar kamus yang bakal dihasilkan dapat menggambarkan bahasa yang 'sebenarnya' - bahasa yang hidup dan dinamik sebagaimana yang digunakan dalam bahasa lisan dan tulisan. Hasil usaha perkamusan ini akan lebih merupakan huraian makna daripada sesuatu bahasa dan bukannya huraian abstrak yang ideal, bersifat preskriptif dan menetapkan bahawa inilah penggunaan dan pola yang harus diikuti oleh pengguna.

Newell (1995), Uriel Weinreich (1980), Hartmann (1993), dan Asmah Hj. Omar (1987), sependapat bahawa kerja perkamusan adalah rumit dan yang penting sekali haruslah berpandukan pada analisis linguistik amnya dan semantik dan pragmatik khasnya. Malah Hartmann (1993) menegaskan bahawa: Leksikografi adalah suatu aktiviti profesional dan bukan merupakan aktiviti waktu senggang.

PERMASALAHAN KAJIAN

Makna merupakan nadi kamus. Yang ingin dicari oleh pengguna kamus ialah makna perkataan. Sebab itulah peranan semantik dibicarakan dengan eksaustif dalam leksikografi. Persoalannya, ialah, makna yang bagaimana yang hendak dicari. Penyusunan sesebuah kamus bergantung pada sasarannya. Sasaran ini juga mempengaruhi cara sesebuah kamus disusun. Sekali lagi penyusunan kamus akan berkaitan dengan makna. Jika makna sinonim yang dicari, maka

makna yang setara yang akan dicari. Tetapi jika definisi leksikografis yang dicari, maka makna huraian tentang sesuatu entri yang akan dicari.

Berdasarkan 5% data sahih yang dikumpul daripada *Kamus Dewan* Edisi Pertama² (1970), Edisi Cetakan Kedua (dengan tambahan) (1984) dan Edisi Ketiga (1994), yang didapati ialah gabungan daripada beberapa teknik pendefinisian makna. Contohnya:

Langgar - laga, rempuh, serang, tempuh

Laga - langgar, hantuk

Serang - langgar, serbuan

Pemuda - orang yang masih muda (lelaki), anak (lelaki) yang masih remaja

Muda - belum tua (orang dll.), masih remaja

Makna di atas adalah contoh dua jenis makna yang terdapat dalam kamus. *Langgar*, *laga* dan *serang* menggunakan teknik makna sinonim sementara *pemuda* dan *muda* lebih berupa makna huraian. Seharusnya makna yang bersifat sinonim dan setara ini tidak boleh bercampur dengan makna yang bersifat huraian. Makna bersinonim lebih tepat dimasukkan dalam kamus sinonim atau tesaurus. Kata yang bersinonim boleh dimasukkan sesudah huraian sebagai kata pilihan untuk kata entri.

Masalah yang lebih ketara dalam *Kamus Dewan* ialah kewujudan kelingkaran makna. Kelingkaran makna ditakrifkan sebagai maklumat makna bagi sesuatu kata entri yang berlegar-legar pada perkataan itu sendiri dan saling rujuk merujuk antara satu sama lain. Makna yang diperoleh bukan setakat kurang bermanfaat, bukan bersifat definisi huraian, malah mengandungi perincian ulangan yang tidak perlu.

Kewujudan kelingkaran makna antara lain kerana:

- (i) Faktor masa yang menghambat penyusunan kamus. Kamus harus disediakan dalam tempoh waktu tertentu, jadi pencampuradukan definisi mungkin tidak dapat dielakkan. Memandangkan *Kamus Dewan* Edisi Pertama merupakan projek yang agak "mendesak" maka fenomena ini tidak dapat dielakkan.³
- (ii) Kurangnya penerapan ilmu linguistik dalam proses penyusunan kamus khususnya yang mengawal pentakrifan makna sesuatu entri.

PENDEKATAN TEORI

Penerapan teori semantik dan pragmatik akan memberikan panduan kepada

ahli leksikografi tentang cara pentakrifan yang sistematik. Memandangkan setiap kata entri merupakan tahap kata, maka semantik peringkat kata lebih sesuai diterapkan di sini. Hartmann menamakan definisi ini sebagai definisi analitik. Definisi yang cuba diberikan oleh Hartmann sedikit sebanyak menyerupai teori Analisis Komponen Makna yang dipelopori oleh Eugene A. Nida (1975). Cuma dalam definisi analitik, penggunaan makna komponen nampak lebih mudah. Cara yang dilakukan:

Ahli leksikografi biasanya akan bermula dengan memilih kata genus bagi definisinya dan untuk berbuat demikian dia akan mencari penyebut sepunya, dia akan meletakkan satu hieraki kelas yang lebih sempit dalam golongan definiendumnya dan menandakan setiap kelas itu sehingga dia menemui suatu definiendum yang tidak lagi dapat dibezakan dengan item leksikal yang lain dengan menggunakan pembeza (Hartmann, 1983:95).⁴

Jadi bagaimanakah penentuan makna ini dapat menghasilkan takrif yang baik. Jika sekadar memberikan fitur, proses pentakrifan makna belum dianggap selesai. Pentakrifan sudah pasti akan memasukkan maklumat tambahan. Maklumat ini selalunya diperolehi daripada pengetahuan dan pengalaman *informan* dan ahli leksikografi itu sendiri.⁵ Jika ini yang dilakukan maka semantik sendiri tidak lengkap untuk bertindak sebagai pentakrif yang baik. Maka di sinilah munculnya peranan ilmu pragmatik. Ilmu pragmatik ialah ilmu yang membantu mentafsir makna dengan memasukkan faktor-faktor bukan linguistik. Ilmu ini merupakan gandingan yang paling rapat dengan ilmu semantik (Nor Hashimah Jalaluddin, 1992). Jadi gabungan antara ilmu semantik dan pragmatik akan memudahkan lagi pentakrifan makna. Ini juga bermakna ilmu semantik peringkat kata harus digabungkan dengan ilmu pragmatik bagi mencapai matlamat.

TEORI RELEVANS

Pentakrifan makna kata entri dalam kamus yang melibatkan konteks harus dipandu supaya tidak menghasilkan satu definisi yang terlalu khusus atau terlalu umum. Ini bererti satu panduan harus dibuat bagi memastikan keseragaman makna yang akan dihasilkan. Hal ini diperkuatkan lagi dengan pendapat Wienreich (1980:302): “kamus moden selalunya cuba untuk menjadi khusus.”

Contoh bagi makna umum dan khusus adalah seperti yang berikut:

- (i) verst — a Russian measure of length

- (ii) triangle - a figure that has three sides and three angles, the sum of which is 180 degrees.

Contoh (i) harus dielakkan kerana terlalu umum. Definisi itu tidak membezakan *verst* dengan ukuran panjang yang lain dalam bahasa Rusia. Contoh (ii) pula harus dielakkan kerana terlalu khusus. Maklumat yang terlampau khusus akan menjadikannya seperti ensiklopedia pula.

Jelasnya, untuk menetapkan pendefinisian juga banyak masalahnya. Di sinilah peranan teori relevans. Teori relevans dapat membantu proses pentakrifan makna. Teori relevans yang menekankan konteks, kesan konteks dan usaha memproses maklumat boleh dijadikan panduan bagi mendapatkan makna yang dikehendaki. Konteks yang berkaitan dengan pengalaman, alam sekitar, peristiwa lalu, maklumat budaya akan membekalkan ahli leksikografi dengan maklumat tambahan. Maklumat ini perlu dihadkan dengan usaha memproses maklumat. Usaha memproses maklumat akan menyekat segala maklumat yang sukar dan yang bakal menjadikan definisi itu tidak relevan. Kerelevanan sesuatu makna yang hendak diketengahkan amat penting bagi memastikan pembaca puas dengan maklumat yang diberikan. Hal ini selaras dengan prinsip relevans yang menekankan bahawa: *Semakin tinggi kesan konteks maka akan semakin relevan sesuatu maklumat. Semakin rendah usaha memproses maklumat maka akan semakin relevan sesuatu maklumat.*⁶

Berdasarkan prinsip ini yang diperkenalkan dalam teori relevans (1995, edisi kedua) berserta teori makna komponen yang dipelopori oleh Nida (1975), maka pendekatan semantik eklektik dicadangkan bagi membentuk pentakrifan makna dengan lebih berkesan.

PEMAPARAN DATA

Bahagian ini memaparkan contoh-contoh data yang dikenal pasti dapat membuktikan pencampuran gaya definisi dan kelingkaran makna.

Pencampuran Gaya Definisi

Sebagaimana yang disebutkan di atas, percampuran gaya definisi dapat dilihat dalam *Kamus Dewan* yang dijadikan bahan kajian. Ada definisi sinonim yang diberikan dan tidak kurang juga definisi berbentuk huraian. Contoh:

Agak - kira, sangka

Ageh - bahagi, beri

Agong - besar

Agas - nyamuk kecil yang sangat mengganggu
 Agok - perhiasan yang tergantung pada kalong pengantin
 Benang - tali halus untuk menjahit atau untuk

(*Kamus Dewan Edisi Pertama*, 1970)

Percampuran gaya definisi ini sebenarnya dapat dielakkan jika penentuan sarannya sudah dikenal pasti. Hal ini demikian kerana pada umumnya terdapat beberapa jenis kamus. Antaranya kamus yang sinonimis, kamus leksikografis, kamus logis dan kamus ensiklopedis. Penentuan sasaran daripada peringkat awal penyusunan kamus akan membantu mengelakkan masalah di atas.⁷

Kelingkaran Makna

Contoh di bawah membuktikan bahawa kelingkaran makna memang wujud dalam *Kamus Dewan Edisi Pertama*, Edisi Cetakan Kedua (dengan tambahan) 1984, dan Edisi Ketiga 1994. Dua entri telah dipilih. Kedua-dua entri itu ialah *ejek* dan *zalim*. Kesemua entri yang boleh dirujuk dengan entri *ejek* dan *zalim* dikelompokkan. Ternyata makna yang diberi saling merujuk dan tidak memberi definisi makna yang diperlukan dan diharapkan oleh pengguna. Malah tiada apa-apa perubahan makna yang dapat dilihat pada *Kamus Dewan Edisi Pertama* 1970 dan Edisi Cetakan Kedua (dengan tambahan) 1984. Semuanya mengekalkan sesuatu yang ada pada *Kamus Dewan Edisi Pertama*, 1970. Contohnya *ejek*, *mengejek*, *mengejekkan* mempunyai definisi yang sama dalam *Kamus Dewan Edisi Pertama*, Edisi Cetakan Kedua (dengan tambahan) dan Edisi Ketiga. Begitu juga dengan entri *zalim*. Malah bagi entri *zalim* definisinya telah diringkaskan dalam *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1994). Daripada 17 kata rujukan berlingkar bagi perkataan *zalim* dalam *Kamus Dewan Edisi Pertama* berubah menjadi 19 dalam *Kamus Dewan Edisi Cetakan Kedua*, dan dikurangkan kepada 9 sahaja, dalam *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Hal ini membawa kepada kelingkaran makna dan saling rujukan yang lebih ringkas dan lebih pendek. Walau bagaimanapun, yang nyata kelingkaran makna tetap berlaku. Pemaparan data di bawah dapat membuktikannya.

KAMUS DEWAN EDISI PERTAMA 1970 (KD I)

Ejek; Mengejek, Mengejekkan	256	mempersendakan (mempermainkan, mentertawakan) orang (dengan mengajuk, mengeluarkan kata-kata yang memarahkan dll.), memperolok-olokkan, mencemuhkan, menghinakan, menyindir
Memperolok - Olokkan	783	mempermainkan dengan perkataan atau perbuatan (seperti mengejek dll.)
Mencemuhkan	177	mengejek, mencela, menghina
Menghinakan	366	1. memperlakukan seperti orang yang hina, rendah (kedudukan dll.) 2. menyinggung perasaan orang (memaki dll.), memburukkan nama orang, mengejikan
Mempersendakan	1062	mempermainkan (dengan gurau senda), memperolok-olokkan, mengejek-ejekkan
Menyindir	1111	mengatakan sesuatu (untuk mencela, mengejek, mengeji) tidak dengan terus terang
Mempermainkan	700	3. memperolok-olokkan, mempersendakan, menyindir-nyindir, mengeji-ngeji
Mencela	172	mengecam, mengeritik, mencacat
Menyinggung	1112	4. menyakiti atau melukai hati (perasaan dll.), menodai (nama baik seseorang dll.)
Memburukkan	148	1. mengata-ngatai, mencela
Mengejikan	484	menganggap (memandang) keji, menghinakan, merendahkan, mencela, (menista, mencaci dll.)
Mengecam	159	2. mengeritik, mencela

Mengeritik	531	mengupas atau membuat perhitungan (dengan menyebut dan mengulas mana-mana yang salah, tidak bagus dll.), mengecam, membidas, mencela
Mencacat	154	mengatakan orang cacat, mencela
Melukai	687	1. menyakiti (hati)
Menyakiti	998	1. menyebabkan berasa sakit (sengsara, sedih, pilu dll.)
Menodai	774	2. mencacatkan, mencelakan, mengaibkan, menjejikan
Mengata-Ngatai	469	mengeluarkan perkataan yang kurang sedap terhadap, bercakap buruk tentang orang, mencaci-maki
Merendahkan	953	3. memandang atau menganggap rendah (hina, tidak penting dll.), memperkecil-kecilkan
Membidas	118	mengecam, mengupas
Megaibkan	9	1. memberi aib, mencela, mencerca 2. menghinakan, menodai (nama baik), memberi malu
Mencaci	155	1. menyatakan keburukan orang, mencela, menghina
Memperkecil-Kecilkan	478	2. memandang kecil (tidak penting, tidak berharga dll.), merendahkan, menghinakan, mengabaikan
Mencerca	184	mencaci, mencela, memaki, menghinakan
Memaki	704	mengeluarkan kata yang keji-keji (kepada)

KAMUS DEWAN EDISI CETAKAN KEDUA (DENGAN TAMBAHAN) 1984 (KD II)

Ejek; Mengejek, Mengejekkan	282	mempersendakan (mempermainkan, mentertawakan) orang (dengan mengajuk, mengeluarkan kata-kata yang memarahkan dll.), memperolok-olokkan, mencemuhkan, menghina, menyindir
Mempersendakan	1071	mempermainkan (dengan gurau senda), memperolok-olokkan, mengejek-ejekkan
Memperolok- Olokkan	806	mempermainkan dengan perkataan atau perbuatan (seperti mengejek dll.)
Cemuh; Mencemuh, Mencemuhkan	192	mengejek, mencela, menghina
Menghina, Menghinakan, Memperhina, Memperhinakan	391	1. memperlakukan seperti orang yang hina, rendah (kedudukan dll.) 2. menyinggung perasaan orang (memaki dll.), memburukkan nama orang, mengejikan
Menyindir, Menyendirkan	1114	mengatakan sesuatu (untuk mencela, mengejek, mengeji) tidak dengan terus terang.
Mempermainkan, Memain-Mainkan	726	1. memperolok-olokkan, mempersendakan, menyindir-nyindir, mengeji-ngeji
Mencela, Mencelakan	188	mengecam, mengkritik (dengan memburuk-burukkan sahaja), mencaci, mencacat
Menyinggung	1115	4. menyakiti atau melukai hati (perasaan dll.), menodai (nama baik seseorang dll.)
Memburukkan	164	2. mengata-ngatai, mencela
Mengeji Mengejikan, Memperkejikan	511	menganggap (memandang) keji, menghina, merendahkan, mencela (menista, mencaci dll.)

Kecam 1; Mengecam	504	1. mengkritik (keras), membidas, mencela
Mengkritik	609	2. memperkatakan (mengulas dsb.) keburukan atau kelemahan sesuatu atau seseorang, mengecam, membidas, mencela
Mencaci	171	1. mengatakan keburukan orang, mencela, menghina
Menyakiti	1010	1. = mempersakiti menyebabkan berasa sakit (sengsara, sedih, pilu dll.)
Melukai	714	2. = melukakan menyakiti (hati)
Menodai	798	2. memburukkan nama baik dll., mengaibkan, mengejikan
Mengatai Mengata-Ngatai	495	1. =mengata-ngata mengeluarkan perkataan yang kurang sedap terhadap, bercakap buruk tentang (orang dll.), mencaci, mencerca
Rendah	967	4. tidak mulia (budi, hati), hina, aib, nista
Merendahkan	968	2. memandang atau menganggap rendah (hina, tidak penting dll.), memperkecil- kecilkan
Bidas; Membidas	131	3. mengecam
Mengaibkan	11	1. memberi aib, mencela, mencerca 2. menghinakan, menodai (nama baik), memberi malu
Mencerca, Mencercai	199	mengeluarkan kata-kata keji untuk menghina (mengejek dsb.), mencaci, mencela
Nista	797	1. aib, cacat, cela, rasa malu 2. kata-kata menghina (mencemarkan dll.), makian, penghinaan hina, keji, rendah

Mengecilkan	505	2. = mengecil-ngecilkan,=memperkecil-kecilkan memandang atau menganggap kecil (tidak penting, tidak berharga dll.), merendahkan, menghinakan, mengaibkan
Makian	730	kata yang kasar dan keji (untuk menghina, memarahi dll.), maki
Mengabaikan	1	tidak atau sangat sedikit memberikan perhatian kepada (seseorang atau sesuatu), tidak mengendahkan, mencuaikan, melalaikan

KAMUS DEWAN EDISI KETIGA 1994 (KD III)

Ejek; Mengejek	327	mempersendakan (mempermainkan, mentertawakan) orang (dengan mengajuk, mengeluarkan kata-kata yang memarahkan dll.), memperolok-olokkan, mencemuh, menghina, menyindir
Mempersendakan	1238	mempermainkan (dengan gurau senda), memperolok-olokkan, mengejek-ejekkan
Memperolok- Olokkan	942	mempermainkan dengan perkataan atau perbuatan (seperti mengejek dll.)
Cemuh; Mencemuh, Mencemuhkan	225	mengejek, mencela, menghina
Menghina, Menghinakan,	459	3. memperlakukan seperti orang yang hina, rendah (kedudukan dll.)

		4. menyinggung perasaan orang (memaki dll.), memburukkan nama orang, mengejikan
Menyindir	1285	mengatakan sesuatu (untuk mencela, mengejek, mengeji) tidak dengan terus terang.
Mempermainkan, Memain-Mainkan	842	2. memperolok-olokkan, mempersendakan, menyindir-nyindir, mengeji-ngeji
Mencela,	220	mengecam, mengkritik (dengan memburuk-burukkan sahaja), mencaci, mencacat
Menyinggung	1285	4. menyakiti atau melukai hati (perasaan dll.), menodai (nama baik seseorang dll.)
Memburukkan	193	2. = memburuk-burukkan mengata-ngata, mencela, mencaci, mencerca
Mengeji	603	menghina, memandang rendah (pd)
Mengejikan	603	menimbulkan rasa keji
Kecam 1; Mengecam	595	1. mengkritik (keras), membidas, mencela
Mengkritik	712	2. memperkatakan (mengulas dsb.) keburukan atau kelemahan sesuatu atau seseorang; mengecam, membidas, mencela
Mencaci	200	4. mengatakan keburukan orang, mencela, menghina
Mencacat	200	mengatakan keburukan seseorang atau sesuatu, mencela

Menyakiti	1171	1. menyebabkan berasa sakit (sengsara, sedih, pilu, dll.)
Melukai	830	2. = melukakan menyakiti (hati)
Menodai	932	5. memburukkan nama baik dll, mengaibkan, mengejikan
Mengatai, Mengata-Ngatai	585	1. mengeluarkan perkataan yang kurang sedap terhadap, bercakap buruk tentang (orang dll.), mencaci, mencerca
Rendah	1125	4. tidak mulia (budi hati), hina, aib, nista
Bidas; Membidas	155	6. mengecam
Mengaibkan	14	3. memberi aib, mencela, mencerca 4. menghina, menodai (nama baik), memberi malu
Mencerca, Mencercai	232	mengeluarkan kata-kata keji untuk menghina (mengejek dsb.), mencaci, mencela
Nista	9314.	aib, cacat, cela, rasa malu 5. kata-kata menghina (mencemarkan dll.), makian, penghinaan 6. hina, keji, rendah
Makaian	847	kata yang kasar dan keji (untuk menghina, memarahi dll.), maki

KAMUS DEWAN EDISI PERTAMA 1970 (KD I)

Zalim	587	tidak berperikemanusiaan, tidak adil, aniaya, bengis, kejam
Aniaya,	1351	kezaliman, penindasan, penyeksaan
Bengis	33	1. tidak belas kasihan, kejam, zalim

Kejam II	101	1. tidak berperikemanusiaan, tidak mempunyai (menunjukkan) belas kasihan, bengis, ganas
Penindasan	1259	perihal menindas
Menindas	1259	2. membuat dengan sekehendak hati (dengan kejam dll.) terhadap, memeras, memperkuda, menganiaya
Memperkuda	587	1. membuat (menjadikan) sesuatu sebagai kuda. 2. memperbodoh-bodohkan, memperlakukan sebagai budak.
Memeras	850	1. memerah 2. mengambil keuntungan yang berlebih-lebihan dari orang, menindas
Penyiksaan	1037	perihal menyiksa, penganiayaan
Menyiksa	1037	1. memberi atau menghukum seseorang supaya sengsara (sakit, susah, dll.), menganiaya. 2. menyakitkan, menyusahkan
Menyakitkan	998	menjadikan sakit (susah, risau, sedih, tidak senang dll.)
Menyusahkan	1146	1. menjadikan susah, menyukarkan, menyulitkan
Ganas	286	buas, garang
Buas	135	2. bengis, kejam, zalim
Garang 1	291	1. buas, bengis, berani, galak
Galak 1	284	1. berangsang, ganas, garang, suka melawan
Berangsang	930	marah

KAMUS DEWAN EDISI CETAKAN KEDUA (DENGAN TAMBAHAN) 1984 (KD II)

Zalim	1357	tidak berperikemanusiaan, tidak adil, aniaya, bengis, kejam
Aniaya,	41	perbuatan yang menyakiti atau menyiksa manusia atau binatang, kezaliman, penindasan, penyesaan
Bengis 1	144	1. tidak berbelas kasihan, kejam, zalim
Kejam II	510	1. tidak berperikemanusiaan, tidak mempunyai (menunjukkan) belas kasihan sama sekali, bengis, ganas, zalim
Tindas; Menindas	1262	2. membuat dengan sekehendak hati (dengan kejam dll.) terhadap, memeras, memperkuda, menganiaya
Penindasan	1263	perbuatan menindas
Penyesaan	1047	perihal menyiksa, penganiayaan
Menyesa	1047	1. memberi atau menghukum seseorang supaya sengsara (sakit, susah, dll.), menganiaya 2. menyakitkan, menyusahkan
Ganas	311	1. liar dan suka menyerang (mengamuk, membunuh dsb; umumnya bkn binatang), buas 2. suka merosakkan (harta benda orang dsb., bkn orang)
Peras 1; Memeras	868	1. memerah 2. mengambil keuntungan yang berlebihan daripada orang, menindas
Memperkuda	616	1. membuat (menjadikan) sesuatu sebagai kuda. 2. memperbodoh-bodohkan, memperlakukan sebagai budak suruhan.

Menyakitkan	1011	menjadikan sakit (susah, risau, sedih, tidak senang dll.)
Menyusahkan	1150	1. menjadikan susah, menyukarkan, menyulitkan
Liar	694	1. tidak dipelihara (binatang), tidak jinak, buas, tidak dijaga (tumbuh-tumbuhan), terbiar. 2. tidak tetap, gelisah (pandangan dll.) buas, ganas (perangai manusia).
Buas 1	150	1. ganas, galak 2. bengis, kejam, zalim
Memperbodoh	142	1. menjadikan bodoh, membiarkan bodoh 2. menganggap bodoh 3. mengakali, menipu
Galak 1	308	1. berangsang, ganas, garang, suka melawan
Garang 1	316	1. suka atau lekas menyerang dsb. (apabila marah dsb.), bengis, galak
Berangsang	945	marah

KAMUS DEWAN EDISI KETIGA 1994 (KD III)

Zalim	1557	tidak berperikemanusiaan, tidak adil, bengis, kejam
Bengis 1	137	2. tidak berbelas kasihan, kejam, zalim
Kejam II	602	3. tidak berperikemanusiaan, tidak mempunyai (menunjukkan) belas kasihan sama sekali, bengis, ganas, zalim
Ganas	366	3. liar dan suka menyerang (mengamuk, membunuh dsb, umumnya bkn binatang), buas 4. suka merosakkan (harta benda orang dsb., bkn orang)

Liar	805	3. tidak dipelihara (binatang), tidak jinak, buas, tidak dijaga (tumbuh-tumbuhan), terbiar 4. tidak tetap, gelisah (pandangan dll.), buas, ganas (perangai manusia)
Buas 1	177	3. ganas, galak 4. bengis, kejam, zalim
Galak 1	362	2. berangsang, ganas, garang, suka melawan
Garang 1	372	2. suka atau lekas menyerang dsb. (apabila marah dsb.), bengis, galak
Berangsang	1101	marah

Jelas daripada data di atas yang dikutip daripada KD I, II, III bahawa, kelingkaran makna memang wujud. Kelingkaran makna ini bukan sahaja wujud dalam KD I tetapi juga dalam KD II dan III. Malah kebanyakan makna dalam ketiga-tiga kamus itu tidak banyak perbezaan. Hal ini bermakna masalah kelingkaran tidak diberikan perhatian. Sekali lagi ditegaskan bahawa teori semantik dan pragmatik akan mampu menyelesaikan masalah kelingkaran ini.

PENERAPAN TEORI SEMANTIK DAN PRAGMATIK

Analisis semantik dan pragmatik dapat membantu memecahkan kebuntuan masalah kelingkaran makna. Ada dua tahap yang akan terlibat. Tahap pertama menentukan makna genus. Kemudian dibuat cara analisis analitik berbantuan komponen makna. Fitur [+] dan [-] dalam Lampiran digunakan untuk membantu mengesan perbezaan antara perkataan. Soalnya sekarang bagaimana fitur dibentuk dan dipilih. Di sinilah peranan teori relevans yang menekankan konteks, kesan konteks dan usaha memproses maklumat. Daripada pengetahuan dan faktor persekitaran dapatlah dibentuk konteks dan kesan konteks. Fitur yang sesuai akan dibentuk di peringkat ini. Kemudian usaha memproses maklumat digunakan bagi mengelakkan ketidakekonomian fitur. Maknanya, penentuan fitur tidak boleh terlalu

banyak sehingga menghasilkan fitur yang berlewah. Penentuan fitur harus diberhentikan apabila fitur-fitur yang dapat membezakan entri telah ditemui. Maklumat yang dibekalkan mestilah cukup bagi kesemua gugusan perkataan sehingga boleh membezakan kesemua perkataan.⁹ Di sinilah permulaan tahap kedua. Tahap kedua ialah pembentukan definisi yang lengkap berserta maklumat sampingan yang diperlukan oleh sesuatu entri. Bagi menjelaskan penerapan teori, seberkas contoh paparan data entri telah dipilih. Entri yang dipilih ialah *pemuda*, *sahabat* dan *langgar* yang dipaparkan dalam Lampiran. Teori semantik analitik dan teori relevans dipilih untuk diterapkan pada penentuan medan semantik dan definisi yang lebih konsisten. Contoh-contoh yang diberi meliputi kata abstrak dan bukan abstrak.

KESIMPULAN

Kajian leksikografi menarik jika yang terlibat memahami kehendak sesebuah kamus. Satu pasukan yang komited serta mahir dalam teori linguistik terutamanya semantik dan pragmatik akan memberikan sedikit cahaya ceria kepada penyusunan kamus. Jelasnya semantik dan pragmatik yang menggabungkan teori komponen makna dan teori relevans mampu membantu menyelesaikan masalah takrifan yang menjadi masalah utama ahli leksikografi. Dengan berbantuan teori ini, dapatlah dikurangkan peratusan kelingaran makna dalam kamus Melayu.

NOTA

¹ Makalah ini adalah laporan awal berkaitan dengan projek IRPA 07-02-0041. Tumpuan kajian saya adalah mengenai penerapan semantik dan pragmatik dalam leksikografi.

² Data 5% dianggap mencukupi untuk menjadi data sahih bagi kajian ini memandangkan tempoh masa 2 tahun yang diberi agak singkat untuk sesuatu kajian leksikografi yang menyeluruh.

³ Ini disahkan oleh Prof. A. Teeuw dalam wawancara kami di Leiden pada bulan November 1999.

⁴ Cara yang sama juga telah digunakan dalam Newell (1995).

⁵ Sekarang telah ada teknik konkordons yang semakin memudahkan mencari konteks bagi sesuatu entri.

⁶ Nor Hashimah Jalaluddin banyak membicarakan teori relevans. Sila lihat makalah dalam *Jurnal Dewan Bahasa* bagi memahami teori relevans dengan lebih berkesan.

⁷ Masalah gaya penyusunan tidak akan dibincangkan dengan mendalam kerana ini bukan tumpuan ilmu semantik dan pragmatik.

⁸ Data lain dipilih untuk dianalisis untuk menjimatkan masa.

⁹ Maklumat menegak dalam carta adalah maklumat yang tergolong dalam medan makna yang sama sementara maklumat mendatar adalah maklumat konteks yang membantu membezakan makna bagi setiap entri. Di sini peranan semantik analitik dan teori relevans berinteraksi dan beroperasi (lihat carta dalam contoh 1, 2 dan 3 dalam lampiran).

¹⁰ Sebagaimana medan makna *pemuda* dan *sahabat*, medan makna *longgar*, juga mempunyai masalah percampuran definisi dan kelingkiran makna yang sama. Sila lihat *Kamus Dewan* Edisi 1, 2 dan 3.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, 1987, "Perkamusan Melayu: Satu Penilaian "Syarahan Memperingati Ulang Tahun Kesepuluh Koleksi Kebangsaan: Kuala Lumpur, Perpustakaan Universiti Malaya.
- Hartmann, R.R.K. (pyt), 1993. *Leksikografi: Prinsip dan Amalan* (terj), Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Pertama, 1970. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Cetakan Kedua (Dengan Tambahan), 1984, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga, 1994. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Newell, Leonard, E. 1995. *Componential Analysis of Meaning*: The Hague, Mouton Publishers.
- Nida, E.A. 1975. *Componential Analysis of Meaning*, The Hague, Mouton Publishers.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1992, *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*, Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sperber, D. dan D. Wilson, 1986, *Relevance Theory: Communication and Cognition*, Oxford, Basil Blackwell.
- Teeuw, A. 1964. "Tentang Kamus dan Kamus Melayu", *Jurnal Bahasa*, Jld. 8(9), 388–389.
- Weinreich, Uriel, 1980. *On Semantics*, USA. University of Pennsylvania Press.
- Wawancara bersama Prof.A. Teeuw, 1999. *Kamus Dewan 1*. University of Leiden, Netherland.

CONTOH 1

ANALISIS INI MELIBATKAN PERKATAAN *PEMUDA*, *BELIA*, *TERUNA*, *MUDA*, *REMAJA*, DAN *DEWASA*.

MANUSIA	LELAKI	PEREMPUAN	MATANG	UMUR BELASAN TAHUN	UMUR DUA PULUHAN	MEMPUNYAI IDENTITI	MEMPUNYAI CIRI KEPIMPINAN	DIKAITKAN DENGAN KUMPULAN
PEMUDA	+	-	+	-	+	-	+	+
BELIA	+	+	+	-	+	+	+	+
TERUNA	+	-	+	+	+	-	-	-
MUDA	+	+	-	+	-	-	-	-
REMAJA	+	+	-	+	-	+	+	-
DEWASA	+	+	+	-	+	-	-	-

DEFINISI

PEMUDA : Manusia lelaki yang matang berumur lingkungan dua puluhan.

BELIA : Manusia lelaki atau perempuan yang matang berumur lingkungan dua puluhan, mempunyai ciri kepimpinan dan sering dikaitkan dengan sesuatu kumpulan.

TERUNA : Manusia lelaki yang matang berumur belasan atau dua puluhan ; lebih banyak digunakan di kawasan utara

MUDA : Manusia lelaki dan perempuan belasan tahun.

REMAJA : Manusia lelaki dan perempuan yang berumur belasan tahun, mempunyai identiti tersendiri dan sering berkumpul.

DEWASA : Manusia lelaki dan perempuan yang matang dan berumur dua puluhan

Definisi yang diberikan di atas adalah berdasarkan medan makna / semantiknya. Apa yang dihasratkan dengan penggunaan kaedah semantik analitik dengan berbantuan pula dengan teori relevans akan mampu menghasilkan makna yang boleh dipertanggungjawabkan.. Sekarang cuba dibandingkan definisi yang di atas dengan definisi yang terdapat dalam Kamus Dewan (1994);

- Pemuda** – orang yang masih muda (lelaki), anak (lelaki) yang masih remaja.
- Muda** – belum tua (org dll), masih remaja.
- Remaja** – 1. mulai dewasa, sudah akil baligh, sudah cukup umur untuk kahwin
2. Muda
- Dewasa** - 1. sudah baligh, sudah berumur 21 tahun ke atas, sudah cukup besar
2. sudah cukup besar (bkn binatang, tumbuh-tumbuhan dsb.)
3. Pada masa, pada ketika, pada waktu.
- Teruna** - anak lelaki yang masih muda, pemuda, belia
- Belia** - muda, pemuda, golongan muda secara keseluruhannya (baik lelaki atau wanita) pemuda dan pemudi.

Makna yang diberikan dalam Kamus Dewan jelas mempunyai ciri-ciri kelengkapan makna dan juga mempunyai dua teknik pendefinisian. Ada yang memberikan sinonim dan ada yang bersifat huraian. Ketidaktekalan ini yang hendak diatasi agar kamus nanti akan menjadi lebih tersusun dan berwibawa.

Data berikut adalah himpunan data mengenai *sahabat*. Ada seberkas makna yang berkaitan dengan sahabat. Sebelum kertas ini memberikan alternatif makna berdasarkan medan semantiknya, di sini diperturunkan makna yang disenaraikan oleh Kamus Dewan (1994):

Sahabat	- Kawan, teman, taulan
Kawan	- Sahabat, teman (dalam pergaulan sehari-hari)
Teman	- Kawan, handai, sahabat, taulan
Taulan	- Kawan, teman, sahabat, rakan, handai
Rakan	- Sahabat, handai, taulan, teman (sepermainan, sekerja, dll)
Handai	- Kawan, rakan, sahabat, teman

Daripada penyenaian kelompok *sahabat* di atas, kita bandingkan pula dengan makna kelompok *sahabat* yang dicerakin berdasarkan semantik analitik dan teori relevans.

CONTOH 2

ANALISIS INI MELIBATKAN PERKATAAN SAHABAT, TEMAN, TAULAN, KAWAN, HANDAI, RAKAN, DAN SEKUTU.

JALINAN HUBUNGAN	RAPAT	BIASA	LEBIH DARIPADA SEORANG INDIVIDU	INDIVIDU	MEMPENGARUHI	KATA GANDA
SAHABAT	+	-	+	+	-	-
TEMAN	+	+	+	-	-	-
TAULAN	-	+	+	-	-	+
KAWAN	-	+	+	+	-	-
HANDAI	-	+	+	-	-	+
RAKAN	-	+	+	-	+	-
SEKUTU	+	-	+	-	+	-

DEFINISI

SAHABAT : Jalinan hubungan yang paling rapat antara seorang individu atau lebih daripada seorang individu.

TEMAN : Jalinan hubungan rapat atau biasa bagi lebih daripada seorang individu.

TAULAN : Kata ganda bagi rakan yang melibatkan jalinan hubungan biasa bagi lebih daripada seorang individu.

KAWAN : Jalinan hubungan biasa bagi seorang individu atau lebih daripada seorang individu.

HANDAI : Kata ganda bagi sahabat yang melibatkan jalinan hubungan biasa bagi lebih daripada seorang individu.

RAKAN : Jalinan hubungan biasa yang melibatkan lebih daripada seorang individu dan saling mempengaruhi.

SEKUTU : Jalinan hubungan yang rapat melibatkan lebih daripada seorang individu dan saling mempengaruhi.

CONTOH 3¹⁰

ANALISIS INI MELIBATKAN PERKATAAN LANGGAR, LAGA, MEREMPUH, SERANG 1, TEMPUH 1, HANTUK, MENGHARUNG, MENYERBU, MERANDUK, BERTUMBUK, BENTUR II, DAN RANDAI I.

PERGERAKAN	MANUSIA	BUKAN MANUSIA	KUAT	ANGGOTA FIZIKAL	KEKUATAN STAMINA (TENAGA)	MENGGUNAKAN SENJATA	MEMPUNYAI SASARAN TERTENTU	MENGAKIBATKAN KEROSAKAN/ KEMUSNAHAN
LANGGAR	+	-	+	-	+	-	-	+
LAGA	+	+	+	-	+	-	-	+
MEREMPUH	+	+	+	+	+	-	-	+
SERANG I	+	-	+	-	+	+	+	+
TEMPUH I	+	-	+	+	+	+	+	+
HANTUK	+	+	+	+	+	-	-	-
MENGHARUNG	+	+	+	-	+	-	+	-
MENYERBU	+	-	+	-	+	+	+	-
MERANDUK	+	-	+	-	+	-	+	-
BERTUMBUK	+	-	+	+	+	-	+	-
BENTUR II	+	+	+	-	+	-	+	-
RANDAI I	+	-	+	-	+	-	+	-

LANGGAR : Pergerakan yang kuat oleh manusia dengan menggunakan kekuatan stamina dan selalunya mengakibatkan kerosakan/kemusnahan

LAGA : Pergerakan yang kuat oleh manusia dan bukan manusia dengan menggunakan kekuatan stamina dan boleh juga mengakibatkan kerosakan/kemusnahan.

MEREMPUH : Pergerakan yang kuat oleh manusia dan bukan manusia dengan menggunakan kekuatan stamina dan anggota fizikal yang boleh mengakibatkan kerosakan/ kemusnahan.

SERANG I : Pergerakan yang kuat oleh manusia dengan menggunakan kekuatan stamina dan senjata, mempunyai sasaran tertentu dan akan mengakibatkan kerosakan/ kemusnahan.

TEMPUH I : Pergerakan yang kuat oleh manusia dengan menggunakan kekuatan stamina, anggota fizikal dan kadang kala senjata, mempunyai sasaran tertentu dan akan mengakibatkan kerosakan/kemusnahan.

HANTUK : Pergerakan yang kuat oleh manusia atau bukan manusia dengan menggunakan kekuatan stamina dan anggota fizikal (kepala).

HARUNG : Pergerakan yang kuat oleh manusia dan bukan manusia dengan menggunakan kekuatan stamina atau emosi menuju kesasaran tertentu (sungai dan kehidupan).

MENYERBU : Pergerakan yang kuat oleh manusia melibatkan kekuatan stamina dan senjata serta mempunyai sasaran tertentu.

MERANDUK : Pergerakan yang kuat oleh manusia dengan menggunakan kekuatan stamina yang mempunyai sasaran tertentu khususnya untuk menyeberangi sungai.

BERTUMBUK : Pergerakan yang kuat oleh manusia yang melibatkan kekuatan stamina dan anggota fizikal (tangan) serta mempunyai sasaran tertentu.

BENTUR II : Pergerakan yang kuat oleh manusia atau bukan manusia yang melibatkan kekuatan stamina serta mempunyai sasaran.

RANDAI I : Pergerakan yang kuat oleh manusia dengan menggunakan kekuatan stamina serta mempunyai sasaran tertentu; merupakan perkataan klasik